

Umat Islam perlu jadi contoh: PM

Muslim bertanggungjawab elak permusuhan, cetus persepsi silap

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Masyarakat Islam perlu menunjukkan sifat dan keperibadian yang baik bagi membolehkan mereka menjadi contoh dan teladan kepada semua pihak terutama masyarakat bukan Islam.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata sifat sebilangan mereka yang sering menggalakkan permusuhan dan perpecahan boleh meruntuhkan masyarakat dan menghancurkan negara.

Beliau berkata, keadaan ini juga memberi persepsi kononnya Islam agama yang gagal.

“Kalau kita terlalu terpengaruh

dengan perasaan kita, maka tercetuslah huru-hara yang merugikan masyarakat itu. Itulah yang dilihat di negara Asia Barat khususnya.

“Masyarakat di sana tidak selamat. Mereka sering berperang sebab sentiasa berselisih faham atau berbeza fahaman biarpun dengan agamanya yang sama. Mereka bermusuhan, apabila bermusuhan, pihak lain ambil kesempatan.

“Pihak lain gunakan mereka dengan senjata dan wang, maka tercetuslah peperangan sehingga tidak lagi aman negara mereka,” katanya berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Ke-58, di sini, ma-



Dr Mahathir beramah mesra bersama penerima anugerah kecemerlangan PERKIM pada majlis makan malam sempena mesyuarat agung tahunan PERKIM kebangsaan ke 58 di Petaling Jaya, malam tadi.

(Foto Syarafiq Abd Samad /BH)

lam tadi.

Yang turut hadir, isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Setiausaha Agung PERKIM, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.

Justeru, Dr Mahathir berkata, amat penting bagi masyarakat Islam tidak bertindak mengikut perasaan, sebaliknya mengutamakan kesepaduan biarpun berbeza pendapat serta pandangan dalam sesuatu isu dan perkara.

Beliau berkata, sukar bagi sebuah masyarakat untuk maju jika mereka sering bertindak mengikut emosi sehingga membuka ruang sengket.

“Dalam sebuah negara, kita tentukan pendapat berbeza antara individu, suku kaum, puak dan kumpulan hendaklah diputuskan supaya tidak tercetus salah faham.

“Sebaliknya mereka perlu dipimpin oleh pemimpin yang faham untuk mengurangkan perelisihan faham antara kumpulan serta menentukan masyarakat dan hala tuju negara.

“Kalau kita mampu berbuat demikian dapatlah kita bina masyarakat yang aman dan mencapai kemajuan. Jika ini difahami, sudah tentu kita mampu menga-

jar diri membendung sedikit perasaan kita,” katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir yang juga Yang Dipertua PERKIM Kebangsaan, mahu PERKIM menampilkan teladan yang baik kepada orang bukan Islam supaya mereka tertarik dengan Islam.

Katanya, pendakwah dan pertubuhan Islam perlu menyerlahkan kehebatan mereka dan tidak dilihat daif dalam banyak perkara sehingga orang bukan Islam melihatnya seperti tidak berkeupayaan yang mana PERKIM mempunyai tugas penting menjelaskan erti Islam.